

Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia Institusi
Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia
(*The Influence of Psychosocial Factors on Islamic Moral Value (Akhlqa) Among Youth in Selected
Public University*)

ROHANA TAN, NORHASNI ZAINAL ABIDDIN, AZIMI HAMZAH & FATHIYAH MOHD FAKHRUDDIN

ABSTRAK

Belia adalah aset negara dan menjadi tunggak pembangunan masa depan negara. Walau bagaimanapun, dengan berlakunya pelbagai permasalahan sosial dalam kalangan belia di negara ini, usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 tentunya menjadi sukar. Kajian ini bertujuan menentukan sumbangan faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan tidak formal bersama ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya ke atas penghayatan akhlak Islam belia institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpilih di Malaysia. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara rawak berstarta melibatkan 403 sampel daripada kalangan pelajar prasiswazah berusia antara 19 hingga 25 tahun dan berada dalam tahun pertama pengajian di universiti. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 20. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara pendidikan keagamaan oleh ibu bapa ($r=.45$, $p=.000$), pertautan ibu bapa ($r=.40$, $p=.000$) dan pertautan rakan sebaya ($r=.29$, $p=.000$) dengan penghayatan akhlak Islam. Hasil analisis Regresi Berganda mendapati pendidikan keagamaan menyumbang sebanyak 20.0 peratus terhadap penghayatan akhlak Islam, pertautan ibu bapa menyumbang sebanyak 4.3 peratus kepada penghayatan akhlak Islam, manakala pertautan rakan sebaya hanya menyumbang sebanyak 1.6 peratus kepada penghayatan akhlak Islam. Penemuan kajian ini diharap memberi input kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan belia supaya mengambil kira faktor psikososial dalam program pembangunan belia.

Kata kunci: belia, pendidikan keagamaan, pertautan ibu bapa, pertautan rakan sebaya, nilai akhlak Islam

ABSTRACT

Youth is our greatest asset and pillar for the country. In line with that, this research focus on the influence of psychosocial factors involving religious education, parental attachment and peer attachment towards islamic moral value among university youth. The sample consisted of 403 university youth which were selected through the stratified random sampling method. The quantitative data were analyzed by SPSS version 20 using inferencial Pearson's Correlation analysis and Multiple Regression analysis. The findings indicated that significant relationship of religious education ($r=.45$, $p=.000$), parental attachment ($r=.40$, $p=.000$) and peer attachment ($r=.29$, $p=.000$) towards islamic moral value among university youth. The findings also indicated that significant contribution of religious education (20.0 %), parental attachment (4.3 %) and peer attachment (1.6 %) towards islamic moral value. Consequently, findings of the study will provide recommendation to all relevant agencies that need to integrate these psychosocial factors to the positive youth development programme in Malaysia.

Keywords: youth, religious education, parent attachment, peer attachment, islamic moral value

Belia adalah aset terpenting dan tunggak kemajuan sesebuah negara. Mereka adalah agen perubahan yang menjadi harapan nusa dan bangsa untuk meneruskan pembangunan dan menentukan nasib masyarakat serta masa depan negara. Dalam Islam, penghormatan yang tinggi diberikan kepada golongan belia seperti yang dirakamkan dalam al-Quran mengenai kisah sekumpulan belia yang tegas mempertahankan keimanan dalam surah al-Kahfi, ayat 13 (Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk). Dalam konteks Malaysia, harapan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 adalah ditentukan oleh generasi belia yang seimbang daripada segi intelek, spiritual, emosi dan jasmani seperti digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini kerana Malaysia perlu menjadi negara maju mengikut acuan sendiri iaitu bukan sahaja maju daripada sudut ekonomi, malah merangkumi politik, sosial, spiritual, psikologi dan budaya (Mahathir, 1991). Walau bagaimanapun, matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020 untuk melahirkan modal insan yang holistik tentunya menjadi rumit sekiranya belia di negara ini terjebak dengan permasalahan akhlak yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan prinsip Islam. Justeru itu, proses pembentukan pribadi belia yang positif bukan sahaja menjadi tanggungjawab institusi pendidikan formal sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi, tetapi juga melibatkan proses pendidikan tidak formal yang dilalui bersama masyarakat khususnya dalam institusi keluarga.

Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya terhadap penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia universiti. Perbincangan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa hanya menyentuh pendidikan keagamaan secara tidak formal yang berlaku dalam institusi keluarga merangkumi aspek pendidikan hal-hal yang berkaitan keagamaan, aspek ketegasan dan aspek tauladan. Pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dalam kajian ini ditakrifkan sebagai hubungan akrab dan mesra antara anak dan ibu bapa (Bowlby, 1969) dan rakan sebaya (Armsden & Greenberg, 1987). Komponen yang diukur dalam pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya terdiri daripada aspek komunikasi, rasa disingkirkan atau rasa diterima dan aspek kepercayaan.

Belia secara umumnya merujuk kepada suatu tahap perkembangan dalam kehidupan seorang individu melibatkan perubahan-perubahan pada tubuh badan, kematangan dalam berfikir dan perkembangan emosi serta mula berlakunya proses penyesuaian diri kepada kehidupan bermasyarakat dan mula berperanan sebagai orang dewasa (Steinberg, 2011; Ingersoll, 1989). Dalam konteks pelajar universiti, Keniston (1971) menggambarkan bahawa golongan ini terpisah dalam beberapa keadaan dengan masyarakat dewasa. Sebahagian mereka lebih suka menganggap diri mereka masih lagi berada dalam alam remaja yang penuh dengan keseronokan, manakala yang lainnya sudah merasakan berada pada tahap kematangan iaitu peringkat awal dewasa.

Menurut pandangan Islam, tahap belia bermula apabila sampai umur baligh (sampai umur untuk dipertanggungjawabkan dalam urusan agama) (Razaleigh & Ahmad Tarmizi, 2010). Tanda baligh bagi seseorang individu dapat dilihat berdasarkan lima tanda iaitu tiga bagi lelaki dan dua bagi wanita. Bagi lelaki iaitu bermimpi (keluar air mani), pertumbuhan fizikal tubuh badan dan bersuara garau atau kasar, manakala bagi perempuan, dua tanda iaitu apabila datang haid atau mengandung (Abdullah Nasih, 1989; Razaleigh & Ahmad Tarmizi, 2010).

Takrif belia menurut Pelan Program Strategik Belia Komenwel dikategorikan sebagai individu berumur 15 hingga 29 tahun (Commonwealth Youth Programme Strategic Plan for 2008 – 2012). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pula mentafsirkan belia daripada kalangan mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun. Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 1997). Walaupun Malaysia meletakkan jarak umur yang lebih besar, namun aktiviti dan program pembangunan belia yang dijalankan mengambil kira kategori belia mengikut kelompok berikut (Mohd Ismail, 2005):

1. Golongan belia remaja iaitu belia yang masih di bangku sekolah. Belia pada peringkat ini perlu ditekankan dengan pendidikan nilai, pembentukan jati diri dan pendedahan kepada senario yang berubah dan impaknya ke atas mereka.
2. Golongan belia institusi pengajian tinggi (18 hingga 25 tahun). Belia dalam kumpulan ini mula memasuki alam yang lebih bebas daripada kawalan ibu bapa dan peraturan sekolah. Belia pada peringkat ini perlu ditekankan dengan penghayatan nilai moral yang tinggi dan memupuk hubungan

- sihat dalam pergaulan.
3. Golongan belia awal pekerjaan (18 hingga 23 tahun). Belia dalam kumpulan ini perlu pendedahan dengan pelbagai peluang pekerjaan untuk memajukan diri mereka. Program yang dapat meningkatkan kesedaran sosial yang sihat perlu dilaksanakan ke atas mereka.
 4. Golongan belia industri (20 hingga 30 tahun). Belia dalam kumpulan ini perlu diberi peluang meningkatkan kemahiran diri dalam pekerjaan dan pembangunan insan. Gerakan dan usaha memulihkan imej pekerja industri perlu diberi penekanan dengan meletakkan mereka pada posisi yang lebih baik dari segi nama dan kehidupan sosial.
 5. Golongan belia veteran (30 hingga 40 tahun). Belia pada peringkat ini telah berumah tangga dan lebih memberi perhatian kepada usaha menambah pendapatan keluarga serta pendidikan anak-anak. Program untuk membangunkan belia peringkat ini perlu lebih tertumpu kepada usaha meningkatkan kualiti hidup dan pengukuhan institusi kekeluargaan.

PERMASALAHAN AKHLAK BELIA

Pada tahun 2005, seramai 11 juta (42.5 peratus) daripada 26.13 juta penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia. Pada tahun 2010, golongan belia

meningkat kepada 11.26 juta iaitu 40.6 peratus daripada populasi keseluruhan penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Shahrudin et al., 2010). Hampir separuh penduduk negara ini terdiri daripada golongan belia, maka permasalahan akhlak juga banyak melibatkan golongan ini. Tingkah laku berisiko dalam kalangan belia hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing. Belia yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun dilaporkan paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah (Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim, 2012; Farahwahida & Norzila, 2011).

Bagi kes pembuangan bayi, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan bahawa sebanyak 396 kes dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2009 dengan sebahagian besar yang terlibat adalah belia berusia antara 18 hingga 25 tahun (dalam Rohaniza Idris & Umi Nadirah, 2010). Bagi kes kelahiran anak luar nikah pula, Statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan bahawa pada tahun 2000 hingga 2008, sebanyak 257,000 kelahiran bayi yang didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Ini bermakna secara purata 2,500 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan atau hampir 84 kes pada setiap hari (Khadijah et al., 2012). Penglibatan belia dalam kes penyalahgunaan dadah pula semakin meruncing dengan bertambahnya jumlah penagih dadah pada setiap tahun. Perbandingan penagih yang ditahan mengikut umur pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Perbandingan penagih yang dikesan mengikut umur bagi tahun 2009 dan 2010

Umur \ Tahun		2009	2010
Umur	<15 tahun	47	86
	16 – 18 tahun	285	2,055
	19 – 24 tahun	3,020	6,022
	25 – 29 tahun	3,474	4,993
	30 – 34 tahun	3,219	3,002
	35 – 39 tahun	2,236	2,720
	> 40 tahun	3,178	4,240
	Tiada maklumat umur	277	524
Jumlah tangkapan keseluruhan		15,736	23,642

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2010)

Gambaran di atas menunjukkan bahawa belia yang sepatutnya memiliki akhlak yang terpuji telah keliru dan longgar pegangan agama. Lebih menyedihkan apabila

permasalahan akhlak yang berlaku turut menular dalam kalangan belia di institusi pengajian tinggi (Hashim et al., 2008; Zainudin et al., 2008; Khaidzir et al., 2010).

FAKTOR PSIKOSOSIAL DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU BELIA

Banyak kajian mendapati ibu bapa dan rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku belia. Hubungan yang baik dengan ibu bapa mempunyai perkaitan kuat dengan tahap estimasi diri (Armsden & Greenberg, 1987), memberi kesan kepada eksplorasi diri (Mohamad Isa, 2011), mempengaruhi pencapaian dalam akademik (Zulkifli et al., 2011), mempengaruhi moral belia (Wan Noor Shazana, 2009) dan memberi kesan kepada penghayatan akhlak Islam (Azhar, 2006; Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2011). Belia yang mempunyai masalah tingkah laku pula sering dikaitkan dengan kesan pengaruh ibu bapa yang negatif (Siti Rabaah et al., 2012; Hashim et al., 2008; Mohd Ismail, 2005; Siti Rohana, 2004; Wan Liz Ozman, 2000; Emmanuelle, 2009).

Selain ibu bapa, rakan sebaya juga menyumbang kepada pembentukan peribadi dan akhlak belia (Mohd Ismail, 2005). Ini kerana rakan sebaya adalah kumpulan yang paling hampir dengan belia dan mempengaruhi pembentukan tingkah laku mereka (Bronfenbrenner, 1979; Bandura, 1977), malah rakan sebaya juga dikatakan sebagai ibu bapa kedua kepada belia (Asmak, 2006; Jumali et al., 2010). Menurut Armsden dan Greenberg (1987) pertautan ibu bapa yang positif akan mewujudkan pertautan yang positif dengan rakan sebaya dan dapat membentuk tingkah laku yang positif dalam diri belia. Kepercayaan yang terbina antara ibu bapa dan anak, diikuti oleh komunikasi yang baik dan rasa penerimaan dalam perhubungan antara keduanya memberi kesan kepada belia dalam memilih rakan sebaya. Belia tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif sebaliknya akan bergaul dengan rakan sebaya yang positif (Mohamad Isa, 2011; Armsden dan Greenberg, 1987).

Menurut Teori Ekologi Manusia (Bronfenbrenner, 1979), tingkah laku belia terbentuk hasil interaksi dengan konteks yang paling hampir dengan mereka iaitu ibu bapa dan diikuti oleh rakan sebaya serta pengaruh ahli masyarakat yang lain (Rozumah, 2009; Miller, 2007). Bandura (1977) dalam Teori Pembelajaran Sosial menekankan bahawa pembentukan tingkah laku manusia adalah hasil interaksi individu, persekitaran dan tingkah laku manusia itu sendiri. Kanak-kanak dan remaja bertingkah laku hasil pemerhatian dan peniruan ke atas orang yang signifikan dengan mereka khususnya ibu bapa dan rakan sebaya (Merriam et al., 2007).

Daripada perspektif Islam, ibu bapa bertanggungjawab menentukan masa depan anak-

anak seperti dijelaskan dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: Setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibu bapanya menentukan sama ada mereka menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi (Riwayat Bukhari & Muslim dalam Hasnan, 2008). Pendidikan ke atas seorang anak bermula dalam institusi keluarga secara tidak formal sebelum mereka memasuki alam persekolahan formal. Ia merangkumi pendidikan akidah, ibadah dan akhlak (Mustafa, 1997; Abdullah Nasih, 2000). Ini amat penting bagi memastikan anak-anak mendapat pendedahan awal tentang agama bagi membentuk nilai kerohanian yang mantap dalam diri anak-anak (Abdul Monir, 2007). Menurut Abdullah Nasih (2000), metodologi pendidikan anak-anak yang berkesan perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa atau guru merangkumi lima perkara iaitu melalui contoh teladan, kebiasaan atau adat, pengajaran, pemerhatian dan melalui hukuman atau denda. Sebagai ibu bapa, pendidikan menerusi contoh teladan sama ada melalui percakapan atau perbuatan perlu diberi perhatian utama kerana anak-anak lazimnya belajar menerusi pemerhatian mereka terhadap tingkah laku ibu bapa (Mahmood, 2008). Selain daripada itu, penekanan kepada aspek disiplin juga perlu ditekankan oleh ibu bapa di rumah dan tidak sewajarnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah. Ini kerana belia yang bermasalah sering datang daripada kalangan keluarga yang tidak menekankan aspek disiplin dalam keluarga (Asmak, 2006; Jacobvitz et al., 1996). Islam juga menekankan pentingnya ibu bapa memastikan anak-anak bergaul dengan rakan sebaya yang baik akhlaknya. Menurut Imam al-Ghazali, antara kaedah pembersihan jiwa (tazkiyah al-nafs) bagi membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang anak adalah dengan memastikan mereka bergaul dan bersahabat dengan sahabat yang soleh dan baik akhlaknya (Mohd. Nasir, 2010; Zakaria, 2001).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dan data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen kajian Wan Noor Shazana (2009) bagi pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, Armsden & Greenberg (1987) bagi pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dan Azhar (2006) bagi penghayatan akhlak Islam. Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian utama yang mempunyai soalan berbentuk 5 Skala Likert. Bahagian A berkenaan latar belakang responden kajian, Bahagian B berkaitan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, Bahagian C tentang pertautan ibu bapa, manakala

Bahagian D tentang pertautan rakan sebaya dan Bahagian E pula mengenai penghayatan akhlak Islam. Populasi kajian adalah pelajar prasiswazah tahun pertama yang menuntut di sebuah IPTA terpilih di Lembah Kelang iaitu seramai 2344 orang. Sampel dipilih secara rawak berstrata. Berdasarkan asas penetapan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970), responden mestilah sekurang-kurangnya 330 orang. Pengkaji telah melebihi saiz sampel sehingga 418 kerana semakin besar saiz sampel diambil, maka semakin diyakini sesuatu kajian yang dijalankan (Cohen et al., 2007). Selain daripada itu, saiz sampel diletakkan bagi memastikan hanya soal selidik yang benar-benar lengkap sahaja dimasukkan sebagai data. Walau bagaimanapun, daripada 418 responden hanya 403 sahaja diterima selepas proses pembersihan data ekstrem (outliers) dilakukan. Proses ini penting kerana kajian ini melibatkan analisis Regresi Berganda yang sangat sensitif dengan data ekstrem (Pallant,

2007). Data dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS versi 20.

HASIL KAJIAN

Demografi

Hasil daripada analisis frekuensi dan peratusan terhadap profil peribadi responden (Jadual 2) menunjukkan seramai 109 (27%) responden terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 294 (73%) adalah pelajar perempuan. Selain daripada itu, dapatan kajian ini menunjukkan seramai 203 (50.4%) responden terdiri daripada pelajar aliran Sains dan 200 (49.6%) responden adalah daripada pelajar aliran Sastera. Profil responden berdasarkan tempat tinggal menunjukkan seramai 173 (42.9%) responden berasal daripada bandar, manakala 230 (57.1%) responden berasal daripada luar bandar.

JADUAL 2. Profil peribadi responden

Profil Responden	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	109	27.0
	Perempuan	294	73.0
Aliran	Sains	203	50.4
	Sastera	200	49.6
Lokasi Asal	Bandar	173	42.9
	Luar Bandar	230	57.1
Jumlah		403	100

Profil Keluarga

Profil keluarga pula (Jadual 3) mendapati seramai 95 (23.6%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga kurang daripada RM1,000 sebulan, 172 (42.7%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga antara RM1,001 hingga RM3,000 sebulan, manakala 73 (18.1%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga antara RM3,001 hingga RM5,000

sebulan dan seramai 63 (15.6%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga melebihi RM5,000 sebulan. Hasil analisis terhadap status hubungan ibu bapa responden pula menunjukkan bahawa 340 (84.4%) ibu bapa masih mengekalkan status perkahwinan mereka sebagai suami isteri, manakala 19 (4.7%) ibu bapa responden telahpun bercerai. Dapatan kajian turut menunjukkan 37 (9.2%) responden telah kematian bapa dan 7 (1.7%) responden telah kematian ibu.

JADUAL 3. Profil responden berdasarkan latar belakang keluarga

Latar belakang keluarga	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Status Pendapatan Keluarga	< RM1,000	95	23.6
	RM1,001 – RM3,000	172	42.7
	RM 3001 – RM5,000	73	18.1
	> RM5,000	63	15.6
Status Hubungan Ibu bapa	Kahwin	340	84.4
	Berceraai	19	4.7
	Bapa meninggal	37	9.2
	Ibu meninggal	7	1.7
Jumlah		403	100

Analisis Korelasi Pearson

Hasil analisis Korelasi Pearson (Jadual 4) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara pemboleh ubah pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dengan penghayatan akhlak Islam ($r=.447$, $p=.000$), manakala antara pemboleh

ubah pertautan ibu bapa dengan penghayatan akhlak Islam pula menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap rendah ($r=.398$, $p=.000$) dan begitu juga dengan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak Islam menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap rendah ($r=.285$, $p=.000$).

JADUAL 4. Korelasi antara pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak Islam

	Akhlag	Pendidikan Keagamaan	Pertautan Ibu Bapa	Pertautan Rakan Sebaya
Korelasi Pearson	1	.447**	.398**	.285**
Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
N	403	403	403	403

** Signifikan pada aras $p<0.01$ (2-tailed)

Analisis data dilanjutkan lagi dengan menggunakan analisis Regresi Berganda (stepwise) seperti dalam Jadual 5. Hasil analisis yang dijalankan mendapati tiga pemboleh ubah bebas yang menjadi peramal terhadap penghayatan akhlak Islam menunjukkan varian yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar. Nilai yang diperolehi daripada analisis tersebut adalah $F(3, 399)=46.650$, $p=.000$ ($p<.05$). Ini menunjukkan sumbangan tiga pemboleh ubah bebas (pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya) terhadap pemboleh ubah bersandar (penghayatan akhlak Islam) adalah signifikan. Hasil dapatan daripada analisis mendapati bahawa faktor pendidikan keagamaan menyumbang sebanyak 20.0 peratus terhadap penghayatan akhlak Islam, pertautan ibu bapa pula menyumbang sebanyak 4.3 peratus terhadap penghayatan akhlak Islam dan pertautan rakan sebaya hanya menyumbang sebanyak 1.6 peratus terhadap penghayatan akhlak Islam.

Kesimpulan daripada analisis ini didapati bahawa peramal utama dan tertinggi bagi penghayatan Akhlak Islam dalam kalangan belia Universiti adalah pendidikan keagamaan oleh ibu bapa ($\beta=0.308$, $t=6.174$, $p=.000$) menyumbang sebanyak 20 peratus. Apabila faktor pendidikan keagamaan oleh ibu bapa meningkat seunit maka skor penghayatan akhlak Islam akan meningkat 0.308 unit. Dapatan ini menunjukkan semakin baik pendidikan keagamaan yang diterima daripada ibu bapa, maka semakin baik tahap penghayatan akhlak Islam. Peramal kedua yang menyumbang terhadap penghayatan akhlak Islam adalah pertautan ibu bapa ($\beta=0.208$, $t=4.149$, $p=.000$) iaitu menyumbang sebanyak 4.3 peratus. Keadaan ini menjelaskan bahawa bagi setiap satu unit pertambahan dalam skor pertautan ibu bapa, terdapat pertambahan kadar penghayatan akhlak Islam iaitu sebanyak 0.208 unit. Dapatan ini menggambarkan bahawa faktor pertautan ibu bapa adalah faktor kedua yang menyumbang sebanyak 4.3 peratus.

Peramal ketiga adalah pertautan rakan sebaya ($\beta=0.136$, $t=2.980$, $p=.003$) iaitu menyumbang sebanyak 1.6 peratus. Keadaan ini menjelaskan bahawa bagi setiap satu unit pertambahan dalam skor pertautan rakan sebaya, maka kadar penghayatan akhlak Islam akan meningkat sebanyak 0.136 unit. Dapatan ini menunjukkan pertautan yang positif dengan rakan

sebaya akan meningkatkan lagi tahap penghayatan akhlak Islam. Secara umumnya, sumbangan keseluruhan tiga pemboleh ubah bebas yang signifikan terhadap penghayatan akhlak Islam dapat dibentuk melalui persamaan Regresi yang boleh dibuat seperti berikut:

$$Y = 1.43 + 0.308X_1 + 0.208X_2 + 0.136X_3 + 0.24$$

Y = Penghayatan Akhlak Islam
 X1 = Pendidikan Keagamaan oleh Ibu Bapa
 X2 = Pertautan Ibu Bapa
 X3 = Pertautan Rakan Sebaya
 Pemalar (*Constant*) = 1.43
 Ralat Piawai = 0.24

JADUAL 3. Ujian regresi

Peramal	B	Beta (β)	t	Sig.	R ²	Sumbangan
Pendidikan Keagamaan	0.295	0.308	6.174	0.000	0.200	20.0%
Pertautan Ibu Bapa	0.216	0.208	4.149	0.000	0.243	4.3%
Pertautan Rakan Sebaya	0.107	0.136	2.980	0.003	0.260	1.6%
Pemalar (<i>Constant</i>)	1.429		6.091	0.000		

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, ketiga-tiga pemboleh ubah bebas ini tidak boleh dipandang ringan dalam membangunkan belia. Dapatan ini sekali gus menguatkan lagi Teori Akhlak oleh al-Ghazali (1988) yang menjelaskan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam proses pembentukan akhlak terpuji (Mohd Nasir, 2010). Kesepaduan ilmu pengetahuan dengan amalan dan akhlak melahirkan manusia yang sentiasa menjaga hubungan dengan Allah (*hablun minallah*) dan hubungan dengan manusia (*hablun minannas*) (Noor Shakirah, 2008). Untuk membentuk akhlak yang terpuji, Imam al-Ghazali turut menekankan betapa pentingnya manusia melakukan proses pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) menerusi kaedah *mujahadah* (bersungguh-sungguh melakukan kebaikan) dengan menjaga pergaulan dan memastikan sentiasa bergaul dengan sahabat yang soleh. Hasil dapatan ini turut menyokong teori Barat yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner (1979) dan Bandura (1977) mengenai pembangunan manusia. Pengaruh persekitaran khususnya ibu bapa dan diikuti oleh rakan sebaya mempunyai kesan besar kepada pembangunan belia yang positif.

Hasil dapatan ini juga menunjukkan proses pendidikan untuk membentuk akhlak Islam berlaku menerusi pemerhatian dan peniruan terhadap tingkah laku ibu bapa seperti dijelaskan dalam Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977). Ini membuktikan ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab mendidik hal-hal berkaitan ajaran agama Islam dan menekankan aspek disiplin dalam keluarga, bahkan perlu menunjukkan contoh teladan yang baik dalam percakapan dan perbuatan mereka seharian kerana mereka adalah model ikutan kepada belia (Mahmood, 2008). Walau bagaimanapun, proses mendidik anak-anak akan menjadi sukar sekiranya ibu bapa sendiri tidak menunjukkan akhlak yang mulia dan tidak mematuhi ajaran agama (Abdullah Nasih, 2000). Ibu bapa bertanggung jawab mendidik anak-anak sejak mereka kecil lagi bermula di rumah. Apabila anak-anak meningkat dewasa, tanggung jawab pendidikan tidak hanya diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah, sebaliknya turut memastikan proses pendidikan berlaku secara tidak formal di rumah menerusi pergaulan dan perbincangan dengan anak-anak. Ini penting kerana masa yang panjang dihabiskan bersama ibu bapa berbanding dengan guru-guru. Kesibukan ibu bapa dengan kerjaya dan kehidupan bukan alasan untuk

tidak melaksanakan tanggung jawab pendidikan ke atas seorang anak. Rasulullah SAW sendiri telah menegaskan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mencorakkan keperibadian seorang anak sama ada kekal dalam fitrah Islam sebagai satu cara hidup ataupun berubah kepada gaya hidup agama lain.

Selain merancang dan melaksanakan proses pendidikan kepada anak-anak sejak kecil lagi, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam membentuk keperibadian belia dengan memberi perhatian dan membina pertautan yang positif dengan anak-anak (Mohamad Isa, 2011). Pertautan yang mesra dan akrab terbina berasaskan kepercayaan, rasa diterima dan aspek komunikasi. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa hubungan akrab yang membentuk pertautan yang positif dengan ibu bapa dan rakan sebaya turut menyumbang kepada pembentukan sahsiah belia yang positif dan ini mengukuhkan lagi Teori Pertautan yang diperkenalkan oleh Bowlby (1969) dan Armsden & Greenberg (1987). Pertautan rakan sebaya yang positif terbentuk hasil pertautan ibu bapa yang positif (Armsden & Greenberg, 1987). Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Asmak (2006) ke atas remaja di Petaling Jaya dan Shah Alam yang mendapati bahawa sebahagian besar aspek yang diperlukan oleh mereka dalam usaha menangani permasalahan akhlak adalah dengan perhatian yang diberikan oleh ibu bapa mereka (29.8 peratus), diikuti oleh nasihat dan bimbingan (23.4 peratus), program motivasi (26 peratus), program pemantapan iman (7.8 peratus), penguatkuasaan (6.4 peratus) dan lain-lain (6.4 peratus). Pengabaian terhadap anak-anak dan sikap yang tidak konsisten dalam mendisiplinkan anak-anak boleh membawa kepada tingkah laku delikuen (Bandura & Walter, 1963).

Hasil dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan pertautan rakan sebaya memberi kesan kepada penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia. Walaupun sumbangan pertautan rakan sebaya hanya sebanyak 1.6 peratus sahaja, namun hakikatnya peranan rakan sebaya tetap perlu diberi perhatian dalam membangunkan belia di negara ini. Bagi belia, rakan sebaya adalah agensi tidak formal yang memberikan pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada keluarga dan sekolah. Apabila meningkat dewasa banyak masa dihabiskan bersama rakan sebaya lebih-lebih lagi bagi belia universiti kerana faktor berjauhan dengan ibu bapa selain faktor tugas kuliah yang memerlukan kerja secara berpasukan dengan rakan sebaya. Hasil dapatan ini sangat bertepatan dengan hadith Rasulullah SAW (dalam Mohd Ismail, 2005) yang bermaksud:

“....sesungguhnya diumpamakan teman yang baik dan teman yang jahat itu seperti pembawa minyak wangi dan tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, sama ada dia memberimu sedikit atau kamu membeli wangian itu atau kamu dapat mencium daripadanya bau-bauan yang wangi. Bagi tukang besi, boleh jadi percikan besinya mengoyakkan baju kamu atau mendapat bau-bauan yang busuk daripadanya.....”

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat dirumuskan bahawa ibu bapa mempunyai tanggung jawab yang besar dalam membangunkan belia. Ibu bapa bertanggung jawab mendidik belia untuk berakhlak mulia sejak bayi lagi seperti pepatah Melayu “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Pendidikan yang baik oleh ibu bapa adalah bermula daripada diri ibu bapa itu sendiri dengan memberi contoh teladan yang baik. Mereka perlu menjadi “role model” kepada belia dan hasilnya belia tidak mudah terpengaruh dengan permasalahan sosial yang berlaku pada hari ini. Ibu bapa juga bertanggung jawab mewujudkan hubungan yang akrab dengan membina pertautan yang positif dengan anak-anak agar mereka membesar dengan persekitaran yang positif dan penuh kasih sayang. Selain ibu bapa, peranan rakan sebaya juga sangat penting dalam membentuk belia berakhlak tinggi. Justeru itu, dalam membangunkan belia peranan ibu bapa dan rakan sebaya perlu diambil kira sama ada oleh masyarakat setempat mahupun negara. Ini penting bagi memastikan usaha melahirkan belia yang cemerlang dan seimbang seperti digariskan dalam Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) dan Wawasan 2020 menjadi kenyataan. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan belia dan masyarakat supaya generasi belia akan datang bebas dari permasalahan akhlak dan bersama-sama membangunkan tamadun bangsa menuju negara yang gemilang. (Pengembangan).

RUJUKAN

- Abdullah Nasih, U. (1989). Pedoman pendidikan anak-anak dalam Islam. Klang: Klang Book Centre.
- Abdullah Nasih, U. (2000). Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam. Jilid 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdul Monir, Y. (2007). Membentuk keluarga menerusi nilai-nilai kekeluargaan Islam. Dlm. Azrina, S.

- Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing & Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Munawar, I., & Mohd Nor Shahizan, A. (2011). Media penyiaran: implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Akademika*, 81(3), 3-8.
- Armsden, G. C. and M. T. Greenberg (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5): 427-454.
- Asmak, H. A. (2006). Salah laku sosial remaja masa kini: cabaran dan penyelesaiannya. Dlm Abd. Rahim, A. R., Sufean, H., & Jamaludin, T. *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar, A. (2006). Strategi pembelajaran sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Bandura, A., & Walters, R.H. (1963). *Social learning and personality development*. USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bowlby, J. (1969). *Attachment and loss volume 1: attachment*. New York: Basic Book.
- Cohen, L., Manion, L. & Marrison, K. (2007). *Research method in education*. (6th ed.). London: Routledge Falmer.
- Commonwealth Youth Programme Strategic Plan 2008 – 2012. Diambil pada 14 Februari, 2012 daripada http://www.thecommonwealth.org/files/229253/FileName/CommonwealthYouthProgramme_StrategicPlan2008-2012.pdf
- Dasar Pembangunan Belia Negara. (1997). Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan.
- Emmanuelle, V. (2009). Inter-relationships among attachment to mother and father, self-esteem, and career indecision. *Journal of Vocational Behavior* 75(2): 91-99.
- Farahwahida, M. Y, Norzila, S. (2011). Persepsi pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam terhadap amalan seks bebas. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1,94-114.
- Hashim, B., Khairulhelmi, K., Mohd Fahmi, M.S., Syed Mohamed Syafeq, S.M., (2008). Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga; isu dan cabaran. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga, 30 Ogos 2008, Johor Bahru, Malaysia.
- Hasnan, K. (2008). *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: JAKIM.
- Ingersoll, G. M. (1989). *Adolescence* (2nd ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). Diambil pada 13 Februari, 2012 daripada <http://www.statistics.gov.my/portal/>.
- Jacobvitz, D.B., dan Bush, N.F. (1996). Reconstructions of Family Relationships :Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem. *Developmental Psychology*, 32(4), 732-743.
- Jumali, S., Khaidzir, I., Shahrudin, A., & Noriah, I. (2010). Pembinaan sahsiah remaja proses dan perkembangan. Bangi: Pusat Perkembangan Pelajar UKM.
- Kementerian Belia dan Sukan. (1997). *Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia*. Diambil pada 17 Februari, 2012 daripada http://www.unescap.org/esid/hds/youth/youth_malaysia.pdf
- Keniston, K. (1971). *Youth and dissent: the rise of a new opposition*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., Noremy, M. A., Mohd Suhaimi, M., & Noorhasliza, M. N. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1 (special)), 131-140.
- Khaidzir, I., Khairil Anwar, & Hanina, H. Hamsan. (2010). Analisis kecenderungan penyalahgunaan bahan dan faktor keagamaan: kajian kes terhadap belia di sebuah IPTA. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 225 - 236.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607.
- Mahathir, M. (1991). *The way forward- Vision 2020*. Working paper presented at the launching of Malaysian Business Council. Kuala Lumpur.
- Mohamad Isa, A. (2011). *Pertautan ibu bapa dan rakan sebaya dalam kalangan pelajar universiti serta hubungannya dengan yakin diri dan eksplorasi diri*. (tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Mahmood, Z. (2008). *Famili harmoni memupuk keluarga bahagia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Merriam, S. B., Caffarella, R. S., & Baumgartner, L. M.

- (2007). *Learning in adulthood: a comprehensive guide*. San Francisco: John Wiley & Sons. Inc.
- Miller, S. A. (2007). *Developmental research method*. 3rd. Ed. California: Sage Publication, Inc.
- Mohd. Fauzi, H., & Mohd. Khairul Naim, C.N. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia (Review on the importance of human capital development in Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun Bil*, 7(1), 75-89.
- Mohd Ismail, M. (2005). *Menjadi belia cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Nasir, O. (2010). *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa, H. D. (1997). *Institusi kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Shakirah, M. A. (2008). *Al-Ghazali and his theory of the soul: a comparative study*. Pulau Pinang. Penerbit USM.
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual: a step-by-step guide to data analysis using SPSS*. Sydney. Ligare Book Printer.
- Razaleigh, M., & Ahmad Tarmizi, T. (2010). Penyelesaian masalah belia dari perspektif agama. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 38 - 51.
- Rohaniza Idris dan Umi Nadirah Abdul Rahman. Empat lagi kes buang bayi dalam Berita Harian 14 Ogos 2010. Diambil dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Empatlagikesbuangbayi/Article> pada 17 Mei 2012.
- Rozumah, B. (2009). *Utiliti kerangka kerja kontekstual dalam penganalisisan pembangunan manusia*. Dalam Rozumah, B & Mansor A. T. *Pembangunan manusia dalam konteks*. Kuala Lumpur: Inreach Edition.
- Shahrudin, B., Azman, A., & Mazlan, C. S. (2010). *Belia 1Malaysia: antara cabaran dan harapan*. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 52-75.
- Siti Rabaah, H., Turiman, S., Azimi, H. & Ezhar, T. (2012). *The influences of sociological factors towards hedonistic behavior among Malaysian youth*. Paper presented at the graduate research in education seminar GREduc2012. 18 November 2012. Published by Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohana, S. (2004). *Pengaruh faktor ekologi ke atas kemurungan remaja*. (Tesis Master tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Steinberg, L. (2011). *Adolescence*. (9th ed.). New York: McGraw Hill.
- UNESCO. Diambil pada 17 April, 2012 daripada <http://www.unesco.org/new/en/social-and-human-sciences/themes/youth/>
- Wan Liz Ozman, W. O. (2000). *Gagasan alaf baru: mencetus kebangkitan Malaysia membina keagungan*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Wan Noor Shazalina, W. S. (2009). *Kaitan tingkahlaku keibubapaan dan pendidikan keagamaan dengan moral pelajar remaja*. (Tesis Sarjanamuda tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Zainuddin, A, Zuria Mahmud, Salleh, A. (2008) *Pendekatan kaunseling menangani masalah kebebasan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi: dua kajian kes*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 33 . pp. 107-123.
- Zakaria, S. (2001). *Akidah & akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifli, A. H., O. Jamilah, Aminah, A & Ismi Arif, I. (2011). "Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor." *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2): 31-40.

Rohana Tan (Puan)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM
Bangi Selangor
E-mel: rohanatan@gmail.com

Norhasni Zainal Abiddin (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM
Serdang Selangor
E-mel: nonie@putra.upm.edu.my

Azimi Hamzah (Prof. Dr.)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM
Serdang Selangor
E-mel: azimi@putra.upm.edu.my

Fathiyah Mohd Fakhruddin (Dr.)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM
Serdang Selangor
E-mel: fathi@putra.upm.edu.my